



# 6

## **SENI REKA GRAFIK DIGITAL DALAM TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (TMK)**

*Normala Rahim*

Gabungan teks, grafik, audio, video dan animasi bagi menghasilkan satu persembahan maklumat yang lebih menarik, interaktif serta berkesan melalui penggunaan teknologi komputer dinamakan multimedia (Zunaidah Binti Razali & Nik Mohd Azim Bin Nik Daud, 2018). Manakala, seni reka grafik bermaksud seni yang menggabungkan teks, imej, warna dan elemen-elemen asas seni lukis dan seni reka untuk menyampaikan mesej secara berkesan. Seni reka grafik adalah proses yang memerlukan kreativiti, inovasi serta kepakaran teknikal untuk memahami produk atau servis demi menyampaikan mesej berkesan kepada audien. Hasil karya seni reka grafik biasanya adalah logo, brosur, risalah, poster dan medium komunikasi visual yang lain. Selain itu, seni reka grafik adalah gabungan penggunaan elemen asas seni lukis dan seni reka serta implementasi prinsip seni lukis dan seni reka. Grafik juga memberi maksud penggunaan visual untuk menerangkan konsep yang tidak dapat atau sukar diterangkan oleh teks. Ia mampu menambah daya tarikan kepada sesuatu paparan atau persembahan. Grafik juga dapat mempercepatkan penyampaian sesuatu maklumat dan dapat memberikan penerangan yang jelas, tepat dan konsisten antara individu yang berbeza.


Grafik dikatakan sebagai sumber penyampai maklumat yang amat berkesan kerana segala bentuk mesej yang diterima oleh manusia melalui penglihatan mereka dapat diterima secara terperinci dan ianya mempunyai daya ketahanan serta daya ingatan yang tinggi. Dalam seni reka grafik, elemen asas dan prinsip reka bentuk grafik perlu difahami oleh pereka seni reka

grafik supaya dapat menzahirkan idea dengan lebih kreatif, inovatif dan mampu menarik audien untuk memiliki produk dan menggunakan perkhidmatan oleh sesebuah syarikat. Elemen asas seni reka grafik ialah garisan, rupa, ruang, bentuk, jalinan dan warna manakala prinsip reka bentuk pula termasuk harmoni, kontra, penegasan, imbangan, irama dan pergerakan, kepelbagaian dan kesatuan. Sub topik di bawah menghuraikan dengan lebih jelas maksud setiap elemen dan prinsip asas seni reka grafik.

## Elemen Asas Seni Reka Grafik

### Garisan

Garisan ialah cantuman dari satu titik ke titik yang lain dengan mempunyai jarak-jarak tertentu. Aplikasi berbagai jenis garisan dapat mencipta rupa dan jalin.



**Rajah 6.1.** Jenis-Jenis Garisan Seni Reka Grafik.

Sumber: <http://eytaturquoise.weebly.com/unsur-seni.html>, ton, corak serta menimbulkan gambaran bentuk, ruang dan gerakan dalam seni visual.